

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU]**

**TARIKH : 08.03.2016 (SELASA)**

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan :-**

- (a) apakah langkah-langkah Kementerian dalam mengawal harga barangan terutamanya pengusaha yang hanya menaikkan harga barangan ketika harga minyak meningkat, tetapi tidak menurunkan harga barangan ketika harga minyak menjunam; dan
- (b) apakah langkah-langkah Kementerian dalam memastikan pengguna di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak turut menikmati harga barangan kawalan yang sama seperti di kawasan bandar.

## **JAWAPAN (a):**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Malaysia mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas yang mana kuasa pasaran (*market force*) memainkan peranan penting dalam penentuan harga. Penentuan harga barangan dan perkhidmatan adalah berdasarkan kepada faktor-faktor yang berbeza di antara satu sama lain seperti permintaan dan penawaran (*demand and supply*), faktor cuaca, ekonomi global, persaingan, kadar tukaran wang asing, kos input dan sebagainya. Bagi memastikan rakyat mendapat barangan dan perkhidmatan pada harga yang munasabah manakala para peniaga tidak mengambil kesempatan dengan mengenakan harga yang terlalu tinggi ke atas barangan dan perkhidmatan semata-mata untuk mengaut keuntungan yang melampau, Kementerian ini telah mengambil **langkah-langkah kawalan harga barang** melalui penguakuasaan undang-undang dan pelaksanaan beberapa program yang mesra rakyat dan peniaga seperti berikut:

- i. Penguatkuasaan melalui **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011**. Di bawah **Ops Catut** bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 23 Februari 2016, tindakan pemeriksaan telah dilakukan ke atas **lebih 96,000** premis perniagaan di seluruh negara. Di sepanjang tempoh tersebut, sebanyak **316 Notis** telah dikeluarkan terhadap peniaga yang didapati menaikkan harga barangan dan sebanyak **194 kertas siasatan** melibatkan pencatutan telah dibuka untuk siasatan lanjut;
- ii. Penguatkuasaan di bawah **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** di mana para peniaga diwajibkan meletak tanda harga ke atas barangan yang dijual atau

- mempamerkan senarai harga. Selain itu, Kerajaan turut mengadakan **program advokasi pematuhan** melalui perjumpaan secara bersemuka dengan para peniaga untuk memberi penjelasan dan khidmat nasihat agar memahami dan mematuhi undang-undang sedia ada;
- iii. **Program Kempen Penurunan Harga** bagi memastikan rakyat terus mendapat bekalan barangan pada harga yang terendah. Sebanyak **3,035 cawangan** pasaraya besar, pasaraya dan pasar mini di seluruh negara telah mengambil bahagian dalam kempen ini dengan penawaran diskaun sehingga 70% bagi keseluruhan **1,148,404 produk**;
  - iv. **Program Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** sebagai satu alternatif untuk menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah semasa permintaan tinggi pada musim-musim perayaan seperti Hari Gawai, Pesta Keamatan, Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas;
  - v. Jualan barangan keperluan dengan harga yang lebih murah melalui **Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)** dan **Kedai Kain Rakyat 1Malaysia (KKR1M)**. Sehingga 19 Februari 2016, sebanyak **185 kedai KR1M** dan **30 KKR1M** telah beroperasi di seluruh Malaysia;
  - vi. Program **Kedai Harga Patut** ialah premis perniagaan yang menjual barangan pada harga yang berpatutan dan kompetitif tanpa mengabaikan kualiti dan perkhidmatan jualan. Sehingga Februari 2016, sebanyak **694 premis perniagaan** yang terdiri daripada pasaraya, pasaraya besar (tempatan), pasar basah, kedai runcit, kedai serbaneka dan *mini market* telah diiktiraf sebagai Kedai Harga Patut; dan

- vii. Sebagai sebuah **Caring Ministry**, Kementerian telah mewujudkan **Friends of KPDNKK** agar rakyat boleh mengutarakan sebarang pandangan, aduan dan isu kepenggunaan khususnya isu harga barang secara terus kepada Kerajaan. Tambahan lagi, aplikasi **Ez-ADU** dibangunkan oleh Kementerian dengan tujuan memudahkan rakyat mengemukakan aduan berkaitan isu pencatutan.

### **JAWAPAN (b):**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Bagi memastikan pengguna di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak turut menikmati harga barangan kawalan yang sama seperti di kawasan bandar, Kementerian telah melaksanakan **Program Penyeragaman Harga** sejak tahun 2009. Melalui program ini Kerajaan menanggung kos pengangkutan barang-barang keperluan ke kawasan luar bandar bagi memastikan rakyat di kawasan pedalaman boleh mendapatkan barang-barang keperluan iaitu **beras, gula, minyak masak, tepung gandum, gas memasak (LPG), petrol RON 95 dan diesel** pada harga yang dikawal oleh kerajaan.

Selain itu, kerajaan juga telah memperkenalkan inisiatif **Mobile KR1M** iaitu penyeragaman harga runcit barangan antara kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung untuk faedah penduduk Sabah dan Sarawak. Kerajaan telah **menanggung kos pengangkutan laut dan darat (door to door)** untuk membawa barangan kawalan bersubsidi dari pelabuhan Semenanjung ke pelabuhan di Sabah, Sarawak dan Labuan dan seterusnya kos pengangkutan darat (LCL) ke kedai-kedai KR1M dan Kedai Coop1Malaysia